

Ucapan: 01/11/2017

Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri

KETUA SETIAUSAHA NEGARA: Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Yang dihormati saudara/saudari pengacara majlis,

Yang Berbahagia **Tan Sri Zainal Rahim bin Seman**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berbahagia **Tan Sri Ahmad Zaki Ansore**

Ketua Pengarah ICU, Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia **Datuk Mohd Zuki bin Ali**

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia **Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid**

Ketua Pengarah EPU, Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia **Dato' Dr. Mazlan Yusoff**

Ketua Pengarah MAMPU, Jabatan Perdana Menteri

Ketua- ketua Jabatan JPM dan Agensi;

Setiausaha-Setiausaha Bahagian serta para Pegawai-Pegawai Kanan;

Yang dihormati dan diraikan Penerima- penerima Anugerah Inovasi JPM serta Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang;

Yang Berbahagia Dato' Sri- Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan, saudara-saudari warga kerja JPM;

Dan tidak dilupakan, Rakan-rakan Media sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana diatas limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam majlis pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada YBhg. Datuk Mohd Zuki, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, dan warga JPM sekalian atas inisiatif menganjurkan Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM 2017 yang bertemakan INOVASI: SUATU REALITI BAHARU.

**PENTADBIRAN NEGARA YANG INKLUSIF,
KOMPREHENSIF DAN BERTANGGUNGJAWAB**

3. YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak telah membentangkan **Bajet 2018** pada Jumaat lepas. Bajet 2018 dikatakan **paling inklusif, komprehensif dan bertanggungjawab** kerana ia menyediakan insentif-insentif dan program khusus untuk **memenuhi keperluan segenap lapisan rakyat Malaysia**. Ini dilakukan disebalik usaha-usaha Kerajaan berhadapan dengan cabaran-cabaran di luar kawalan kita dalam menjana pertumbuhan ekonomi Negara. Dalam menjamin kesejahteraan rakyat, **Kerajaan tidak lupa dan tidak abaikan tanggungjawab dalam memastikan konsolidasi fiskal** kekal mengikut perancangan untuk mencapai sasaran 3.0 peratus untuk tahun ini dan 2.8 peratus tahun 2018.
4. Saya dengar daripada pelbagai pihak, baik penjawat awam, pesara, sektor swasta, NGO mahupun golongan muda Generasi Millennials, **semuanya positif** menerima baik Bajet

yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Sememangnya senang untuk pihak-pihak tertentu mencadangkan Bajet Alternatif, dengan pelbagai *goodies* atau habuan kepada rakyat. Tetapi, kalau kita berfikir secara mendalam, manalah mungkin pihak-pihak ini boleh menunaikan apa yang dicanang-canangkan.

5. Saya telah memberikan komitmen kepada Perdana Menteri dan rakyat sekalian, iaitu bagi pihak perkhidmatan awam, bahawa **penjawat awam keseluruhan akan melaksanakan dengan segera Bajet 2018 tanpa kepincangan**. Ini adalah bagi memastikan, rakyat termasuk kita di sini, keluarga dan saudara-mara kita, mampu untuk memperolehi faedah secara langsung daripada janji Kerajaan. Oleh yang demikian, mulai tahun 2018, **petunjuk prestasi utama atau KPI** semua **Ketua-ketua Setiausaha Kementerian adalah merangkumi pelaksanaan projek mengikut jadual dan kos yang ditetapkan**.
6. Kerajaan dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, telah berjaya meletakkan negara di landasan yang betul. Hakikatnya, ekonomi negara tumbuh pada kadar 5.7% pada separuh tahun pertama tahun ini, berbanding 4.2% sepanjang tahun 2016.
7. Bank Dunia telah mengkaji semula unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tahun 2017 kepada kadar 5.2% berbanding 4.9% sebelum ini. Kementerian Kewangan juga telah mengemaskini kadar pertumbuhan ekonomi Negara daripada unjuran asal diantara 4.3% hingga 4.8%, kepada 5.2% hingga 5.7%.

THE NEW NORMAL

8. Sesungguhnya, YAB Perdana Menteri telah mencetuskan aspirasi untuk meletakkan negara di atas landasan menuju ke 20 negara termaju dunia menjelang tahun 2050. Transformasi Nasional 2050 atau TN50, merupakan ***engagement*** atau **interaksi Kerajaan terbesar pernah dilakukan melibatkan setiap golongan masyarakat** di negara

kita, untuk membentuk satu Dasar Nasional untuk 30 tahun akan datang selepas tahun 2020.

9. Setakat ini, hampir 80 ribu aspirasi rakyat telah dikumpulkan. Aspirasi ini merupakan pemikiran, pandangan dan idea-idea rakyat mengenai cabaran-cabaran akan datang dan yang sedang kita hadapi, atau disebutkan sebagai **The New Normal**.
10. **The New Normal** membawa maksud, **apa yang di luar kelaziman atau perkara yang dikatakan akan berlaku pada masa depan, kinimenjadi realiti semasa** dan dikatakan sebagai **norma baru**. *The New Normal represents what is the Current Reality, that of which was the Future.*
11. **'The New Normal'** antaranya meliputi beberapa perkara seperti berikut:
 - a. **Pertamanya, perubahan geo-politik dunia.** Kita melihat bahawa per-imbangan kuasa (balance of power) dunia kini berubah. Dalam edisimajalah **Economist terkini**, Presiden People's Republic of China, dikatakan sebagai 'the world's most powerful person on earth'. Ini merupakan satu keadaan yang tidak disangka-sangka atau di luar jangkaan kerana, kalau mengikut sejarah, Amerika Syarikat dianggap sebagai negara paling berkuasa dunia;
 - b. **Kedua, perubahan tren kepimpinan negara dunia** dimana pemimpin negara dilantik atau dipilih di kalangan individu yang semakin berusia muda. Lihat sajalah di Kanada, Perancis dan yang terkini Austria dimana Ketua Kerajaan atau Ketua Negara berada di lingkungan umur 30-an hingga 40-an. Walaupun negara-negara ini dikatakan negara maju dimana persekitaran politik adalah matang, namun harus diingat bahawa negara kita juga sedang menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi;
 - c. **Yang Ketiga, peralihan lanskap ekonomi global** daripada 'services and knowledge-based economy' kepada 'digital and sharing economy' seperti *AliBaba, AirBnb, Grab Car* dan *Rent the Runway*; Dan

- d. **Revolusi Industri 4.0.** Revolusi Industri ke-4 akan menyaksikan pertumbuhan secara meluas penggunaan *Artificial Intelligence, machine-learning, robotics, genetics*, teknologi nano dan bio-teknologi. Perkembangan ini akan mengancam *business models* sedia ada dan memerlukan kemahiran atau *skills-set* modal insan yang berbeza daripada masa kini.
12. The New Normal membawa **implikasi kepada aspek pentadbiran negara, geo-politik dan sistem ekonomi** yang memerlukan kepada satu pendekatan baru dalam cara kita berfikir, mentadbir dan melakukan kerja. **Perkhidmatan awam Negara juga perlu berevolusi dan mengadaptasi** dengan cepat kepada perubahan ini, **untuk kekal relevan.**
13. **Laporan The Future of Jobs** oleh World Economic Forum menyatakan bahawa majikan pada tahun 2020 menginginkan kelainan dalam memilih pekerja. **Kemahiran berfikir** adalah antara elemen penting dalam memilih pekerja dan **bukan semata-mata berdasarkan kelayakan akademik.** Antara **10 kemahiran teratas** yang dikehendaki oleh majikan adalah **keupayaan seseorang menyelesaikan masalah kompleks, berfikir secara kritis, kreatif, pengurusan hubungan sesama manusia, kecerdasan emosi, membuat keputusan serta kemahiran berunding.**

PENDEKATAN BARU DALAM PERKHIDMATAN AWAM

14. Sepertimana dalam sektor korporat yang kini mengambil langkah-langkah persediaan menghadapi **The New Normal** dan **Revolusi Industri 4.0** secara khususnya, **saya juga telah memperkenalkan beberapa pendekatan** daripada segi keupayaan penjawat awam dan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Pendekatan-pendekatan ini bak seperti **dikatakan oleh YAB Dato'Sri Mohd Najib, sebagai 'bold and daring'.**

15. Dalam segi menyediakan barisan kepimpinan perkhidmatan awam akan datang, **pemilihan pegawai-pegawai** yang berkaliber, **tanpa mengira usia, untuk mengikuti program Fast-Track** dilaksanakan, dimana para pegawai akan melalui beberapa tapisan penilaian dan dinaikkan pangkat secara cepat sekiranya berjaya.
16. **Kedua, pengisian jawatan-jawatan strategik** seperti Timbalan Ketua Setiausaha **secara panel temuduga. Ketiga,** memperkukuhkan **pelan penggantian kepimpinan atau succession planning** untuk **mengenalpasti pegawai-pegawai secara advance** sebagai bakal pelapis KSU dan TKSU.
17. **Keempat,** daripada segi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat secara lebih berkesan melalui sistem kerja lebih efisien, **penggunaan Cloud Computing untuk platform ICT Kerajaan akan dimulakan.**
18. **Kelima, penstrukturan semula Jabatan atau Agensi tertentu** untuk memikul peranan yang lebih besar dalam peningkatan keupayaan perkhidmatan awam, antaranya seperti **MAMPU.**

INOVASI BERIMPAK TINGGI KEPADA RAKYAT

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

19. **Inovasi yang berkesan** adalah yang memberikan **impak tinggi kepada rakyat**. Ia seharusnya **menambah nilai** kepada **perkhidmatan sedia ada** yang diterima rakyat. Sebagai contoh, **Halal Verified Engine**, yang bertujuan untuk membantu pengguna untuk memuat turun sijil halal yang diiktiraf oleh JAKIM, serta bertindak sebagai platform perkongsian maklumat dan komunikasi antara Badan-badan Pensijilan Halal seluruh dunia.
20. **Pusat Pembedahan Katarak yang ditubuhkan di Hospital Selayang dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**, juga merupakan salah satu inovasi yang

patut dicontohi kerana memenangi **Anugerah Gold Award di International Convention on Quality Control Circle 2016** di Bangkok, Thailand.

21. Majlis pada petang ini merupakan kemuncak penghargaan dan pengiktirafan tertinggi kepada Jabatan dan Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang, sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi rakyat.

22. Pada hari ini juga, **Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang** akan disampaikan kepada pegawai-pegawai JPM yang telah melaksanakan tugas masing-masing dengan cemerlang serta memberikan sumbangan aktif di luar bidang tugas rasmi mereka. **Tahniah saya ucapkan!**

23. Malaysia telah menduduki **tangga ke-8** di Asia dan tempat **ke-37 dalam laporan Indeks Inovasi Global (GII) 2017** yang dikeluarkan oleh Cornell University, INSEAD, dan Organisasi Harta Intelektual Dunia. Indeks Inovasi Global menilai keupayaan dan kesediaan negara terhadap inovasi untuk pertambahan persaingan dan pembangunan. Sehubungan itu, kita sebagai penjawat awam hendaklah menambahkan usaha meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Inovasi Global yang merupakan antara aspirasi TN50.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19167/Hari-Inovasi-dan-Kecemerlangan-Jabatan-Perdana-Menteri>